

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB DATO' AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB
KAWASAN : MACHANG

SOALAN NO. 44

minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk mengarahkan 1 pondok dibuka bagi setiap plaza tol sebagai solusi kepada pengguna yang mempunyai baki yang kurang di dalam akaun TouchnGo terutama di plaza tol dalam bandar yang tidak mempunyai tempat Rehat dan Rawat (R&R) untuk mesin nilai tambah dan stesen minyak bagi tujuan yang sama.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian Kerja Raya melalui Lembaga Lebuhraya Malaysia serta syarikat konsesi lebuhraya sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik serta di samping meningkatkan keselamatan pengguna lebuhraya.

Namun begitu, pihak Kementerian tidak bercadang untuk menyediakan lorong khas di setiap plaza tol sebagai solusi kepada pengguna yang mempunyai baki yang kurang di dalam akaun Touch 'n Go. Langkah ini bertujuan bagi mengurangkan kesesakan di plaza tol terutama pada waktu puncak yang secara langsung memberi impak negatif kepada pengguna sistem pembayaran tol elektronik yang lain.

Kementerian juga ingin menyarankan pengguna lebuhraya untuk lebih peka dengan sentiasa memastikan baki akaun Touch 'n Go mencukupi sebelum memasuki lebuhraya. Ini perlu bagi menjamin kelancaran, keselesaan dan keselamatan pemanduan.

Ingin juga dimaklumkan bahawa kemudahan tambah nilai boleh didapati di kiosk *Touch 'n Go*, agen jualan yang dilantik seperti di stesen-stesen minyak yang terpilih di sepanjang lebuhraya, mesin-mesin ATM terpilih, kedai serbaneka *7Eleven*, *KK Super Mart*, *Watson*, *MyNews* dan lain-lain.

Sekian, terima kasih.